



SIARAN MEDIA

LIMA (5) AGENDA PROGRESIF KPKT PERKASA RAKYAT

PUTRAJAYA, 3 Ogos 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyokong Agenda Kerangka Ekonomi MADANI Memperkasa Rakyat yang dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada 27 Julai 2023 yang lalu.

KPKT komited menjayakan Ekonomi MADANI melalui pelbagai inisiatif berfokuskan kepada lima (5) agenda utama iaitu;

- Pertama : Memperkasa Peniaga Kecil melalui MyKiosk
- Kedua : Membolehkan golongan yang tidak berpendapatan tetap untuk memiliki rumah pertama dengan jaminan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)
- Ketiga : Membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah
- Keempat : *Ease of Doing Business* (Melancarkan Urusan Perniagaan) melalui OSC 3.0 Plus
- Kelima : Garis Panduan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) bagi membantu mencapai sasaran 10,000 stesen EV pada tahun 2025

Inisiatif MyKiosk diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan sosio ekonomi penduduk setempat dengan memberi ruang niaga yang seragam, selamat, mesra alam dan selesa kepada peniaga pada kadar sewaan kiosk yang rendah. Sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan oleh KPKT bagi membina baharu dan menaik taraf sebanyak 3,000 gerai dan kiosk dilengkapi panel solar sebagai kemudahan peniaga kecil berniaga di lokasi tumpuan seluruh negara. Kriteria utama MyKiosk yang memberi keutamaan kepada golongan B40 dan penempatan semula peniaga, pengecualian sewaan selama enam (6) bulan pertama dan kadar sewaan tidak melebihi RM300 sebulan bakal memanfaatkan golongan yang terlibat. Pembinaan kiosk dilengkapi panel solar pertama di Malaysia ini merupakan salah usaha KPKT

untuk menggalakkan amalan teknologi hijau bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Pemilikan perumahan mampu milik bagi golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti pekerja ekonomi gig, pemilik perniagaan, peniaga atau usahawan kecil sentiasa menjadi fokus utama KPKT melalui jaminan pembiayaan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP). Jaminan pembiayaan sehingga 120% adalah termasuk bayaran deposit serta insurans. Kerajaan telah menyediakan jaminan sehingga RM5 bilion bagi memanfaatkan 20,000 peminjam perumahan khususnya pembeli rumah pertama.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) juga komited dalam penyediaan perumahan melalui beberapa inisiatif untuk meringankan beban golongan sasar. Sehingga kini sejumlah 3,545 perjanjian telah ditandatangani oleh penerima yang terdiri daripada golongan B40 untuk memiliki Rumah Mesra Rakyat (RMR) melalui pembinaan rumah di atas tanah mereka sendiri. Sejumlah 5,876 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) juga dijangka akan siap dan bakal memberi manfaat kepada golongan B40. Bagi golongan M40, KPKT melalui projek pembangunan PR1MA telah menyasarkan sebanyak 8,000 unit rumah mampu milik siap dibina pada tahun 2023. Setakat Julai 2023, sebanyak 6,406 unit telah siap dibina menerusi sembilan (9) projek.

Bagi menambahbaik proses dan prosedur Pelan Pemajuan Kebenaran Merancang, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menubuhkan Jawatankuasa Transformasi PBT – *“Ease of Doing Business”*. Antara perkara yang diberi keutamaan dalam penambahbaikan adalah kajian untuk mengurangkan serta memendekkan tempoh proses permohonan Kebenaran Merancang yang ditetapkan di dalam Sistem OSC 3.0 Plus.

KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) kini dalam peringkat memuktamadkan Garis Panduan Perancangan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCS) serta Prosedur Kelulusan Pembangunan EVCS dalam usaha menyokong hasrat Kerajaan mempercepatkan pencapaian 10,000 stesen pengecas EV menjelang 2025. Garis panduan dan prosedur ini juga termasuk aspek keselamatan kebakaran di dalam Garis Panduan Keselamatan Kebakaran bagi

Pemasangan EVCS di Premis yang disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

KPKT terus komited menyokong matlamat Ekonomi MADANI : Memperkasa Rakyat bagi 'Menaikkan Siling' iaitu menstruktur semula ekonomi bagi mencapai sasaran lebih tinggi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan 'Menaikkan Lantai' iaitu meningkatkan darjat hidup rakyat. Strategi ini akan dibina berasaskan nilai-nilai MADANI dan memerlukan pendekatan seluruh Malaysia untuk berjaya. Rakyat, Kerajaan dan industri perlu bekerjasama menjiwai semangat perpaduan, mengamalkan tatakelola yang baik sambil dibantu penyampaian perkhidmatan awam yang tangkas dan kolaboratif.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

